

## IMPAK PROGRAM PENSIKWAZAHAN GURU TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI DI SEKOLAH

Muhammad Akbar Zahidi  
Syed Kamaruzaman Syed Ali\*

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
syed@um.edu.my\*

### ABSTRACT

This study is about the impact of Teaching Graduate Program (PPG) on teaching and learning Physical Education in schools. Therefore, this study aimed to identify the components of pedagogical content knowledge and skills; roles, responsibilities and relationships of teachers; and professional development of students and school administrators. In addition, this study aimed to examine the relationship component of pedagogical content knowledge and skills; roles, responsibilities and relationships of teachers; and professional development of student teachers and school administrators. Therefore, this study is using a mixed-mode method using inter partial structure, questionnaires and observation. To answer the interview instrument, a total of 60 students of Physical Education options were selected based on the maximum variations of six different zones. However, to answer the questionnaire, a total of 480 respondents from 240 Physical Education students and 240 school administrators from 240 primary schools were randomly selected. Next, descriptive statistics of SPSS 18.0 software was used to analyze the factors of these three components to get the percentage, mean and standard deviation. Factor levels for each component were determined by using a rating scale of min at a moderate level is between  $M = 1.67$  to  $M = 3.33$ . Next, inferential statistics were used to examine the relationship between these three components by using the Pearson correlation coefficient. The findings of this study indicate that the relationship is significant component of professional development at the moderate level, followed by components of pedagogical content knowledge and skills; and the roles, responsibilities and relationships of teachers when the score of  $p > 0.05$ . This explains that the three components have a good relationship and the impact of the program indirectly affects the implementation of effective teaching and learning Physical Education in schools. In conclusion, PPG implemented by the Ministry of Education (MOE) is helping Physical Education students in improving the quality of the teaching and learning and thus achieve the goals targeted by the MOE.

**Keywords:** Graduate Teacher Programme (PPG); Teaching and Learning (PdP); Physical Education

### PENGENALAN

Peningkatan profesionalisme keguruan harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa setanding dengan era transformasi pendidikan yang giat dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Fatimah, 2012). Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan satu inisiatif untuk meningkatkan ilmu pengetahuan guru dengan menawarkan pelbagai program dan di antaranya ialah Program Pensiswazahan Guru (PPG). PPG yang ditawarkan kepada guru dalam perkhidmatan

merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah memartabatkan profesion perguruan termasuk opsyen Pendidikan Jasmani seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Teras 5 bagi memastikan guru-guru mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya di peringkat ijazah pertama (Rosli, 2013). Matlamat PPG adalah untuk meningkatkan tahap kelayakan pendidikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) di samping untuk melahirkan guru-guru siswazah yang berkualiti dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan ketrampilan profesionalisme selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru (Fatimah, 2012). Maka, program ini amat penting untuk meningkatkan bilangan guru siswazah di sekolah iaitu seramai 60% di sekolah rendah dan 90% di sekolah menengah pada tahun 2015.

Matlamat ini selaras dengan Program Transformasi Kerajaan yang melancarkan tawaran baharu untuk semua guru bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan serta meningkatkan profil dan profesionalisme kerjaya ini (Jamaluddin, 2011). Oleh itu, IPGM telah menawarkan sebanyak 13,213 tempat untuk PPG di Institut Pendidikan Guru (IPG) bermula Jun 2011 (Rauzah & Muhammad, 2013). Justeru, kajian ini ingin mengkaji kesan atau impak PPG dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Jasmani di sekolah ketika mereka masih dalam pengajian.

## PENYATAAN MASALAH

Pengajian PPG telah membuka ruang kepada guru terlatih yang berpengalaman di sekolah untuk meningkatkan ilmu dalam kerjaya. Namun, masih terdapat beberapa kesan kelemahan yang didapati daripada kajian-kajian lepas. Pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran guru Pendidikan Jasmani dilihat tidak berubah walaupun setelah mengikut pengajian Pendidikan Jasmani secara jarak jauh selama dua tahun (Jamaluddin, 2011). Kajian yang dilaksanakan oleh Jamaluddin (2011) ini menjelaskan bahawa seramai 67.4% guru Pendidikan Jasmani di sebuah negeri tidak menunjukkan peningkatan dari segi komunikasi bersama murid, pengurusan masa, gaya penyampaian dan pengetahuan konten dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Dalam pada masa yang sama, seramai 56.3% pentadbir sekolah juga tidak mempunyai pengetahuan pedagogi dan kemahiran dalam mentadbir guru Pendidikan Jasmani. Ini menyebabkan mata pelajaran tersebut tidak dapat maju dan dipandang rendah oleh sesetengah pihak.

Seterusnya, kajian mengenai peranan, tanggungjawab dan hubungan guru telah dilaksanakan oleh Rauzah dan Muhammad (2013). Kajian berbentuk kualitatif ini telah menyelami perasaan lima orang guru Pendidikan Jasmani yang sedang belajar secara separuh masa di sebuah universiti telah memberi gambaran mengenai peranan mereka di sekolah. Kelima-lima mereka beranggapan bahawa guru Pendidikan Jasmani tidak sama tarafnya dengan guru mata pelajaran teras yang lain. Perkara ini telah menyebabkan prestasi mereka terganggu dan masalah hubungan sesama guru mulai timbul. Persepsi tersebut bermula apabila pentadbir sekolah yang sering merendahkan guru Pendidikan Jasmani yang dianggap hanya sesuai mengajar di bawah cuaca panas sahaja. Kesannya, guru Pendidikan Jasmani tersebut tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajian mereka dan tidak mampu mengajar mata pelajaran tersebut dengan berkesan di sekolah.

Selanjutnya, Rosli (2013) telah melaksanakan kajian berbentuk kuantitatif mengenai pembangunan profesional terhadap guru Pendidikan Jasmani yang masih menuntut di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG). Dapatan beliau menunjukkan bahawa, seramai 74.5% guru tersebut bertindak sebagai guru kelas, pemimpin persatuan dan sukan, guru beruniform serta memegang pelbagai tugas utama di sekolah. Keadaan ini menyebabkan guru ini terbeban dengan jawatan dan bebanan tugas. Perkara ini menyukarkan guru tersebut untuk memberi sepenuh tumpuan terhadap pelajaran dan kerjaya mereka.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. mengenalpasti tahap komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran berdasarkan persepsi siswa guru.

2. mengenalpasti tahap komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah berdasarkan persepsi siswa guru.
3. mengenalpasti tahap komponen pembangunan profesional berdasarkan persepsi siswa guru.
4. mengenalpasti tahap komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran berdasarkan persepsi pentadbir sekolah.
5. mengenalpasti tahap komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah berdasarkan persepsi pentadbir sekolah.
6. mengenalpasti tahap komponen pembangunan profesional berdasarkan persepsi pentadbir sekolah.
7. melihat perhubungan komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran antara siswa guru dan pentadbir sekolah.
8. melihat perhubungan komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah antara siswa guru dan pentadbir sekolah.
9. melihat perhubungan komponen pembangunan profesional antara siswa guru dan pentadbir sekolah.

### PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauhmanakah tahap komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran terhadap siswa guru?
2. Sejauhmanakah tahap komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah terhadap siswa guru?
3. Sejauhmanakah tahap komponen pembangunan profesional terhadap persepsi siswa guru?
4. Sejauhmanakah tahap komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran terhadap pentadbir sekolah?
5. Sejauhmanakah tahap komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah terhadap pentadbir sekolah?
6. Sejauhmanakah tahap komponen pembangunan profesional terhadap pentadbir sekolah?
7. Sejauhmanakah perhubungan komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran antara siswa guru dan pentadbir sekolah?
8. Sejauhmanakah perhubungan komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah antara siswa guru dan pentadbir sekolah?
9. Sejauhmanakah perhubungan komponen pembangunan profesional antara siswa guru dan pentadbir sekolah?


### BATASAN KAJIAN

Pelaksanaan kajian ini hanya melibatkan siswa guru PPG di Institut Pendidikan Guru (IPG) sahaja. Pelaksanaan kajian ini melibatkan siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani dari Kohort 1 hingga Kohort 4 sahaja.

### KERANGKA KAJIAN

Merujuk Teori Pembelajaran Thorndike (1911), pembelajaran merupakan proses cuba-ralat "*trial and error*" atau memilih dan menghubungkait "*selecting and connecting*" (Ibrahim, 2010). Proses cuba-ralat ini juga dikenali sebagai proses cubajaya. Latihan yang dilakukan secara berulang-ulang akan menyebabkan gerak balas yang dihasilkan pada peringkat permulaan akan semakin berkurangan. Manakala perhubungan antara rangsangan dan gerak balas akan semakin kukuh. Gerak balas dan ransangan ini berlaku secara sendiri dan jika mendapat hasil yang berkesan, ia akan dikukuhkan dan dikekalkan. Ini bermakna apabila ganjaran diberi, gerak balas dan ransangan yang terhasil akan berulang kerana sudah berlakunya proses pembelajaran. Tetapi jika ganjaran tidak diberikan, gerak balas tersebut akan hilang secara perlahan-lahan. Oleh itu, guru perlu menyediakan pelbagai sumber pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik dan mengagumkan agar proses pembelajaran yang berkesan boleh berlaku (Jamaluddin, 2011). Contohnya dengan menggunakan

teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan audio atau video yang menarik, murid dapat menjalani proses pembelajaran dengan berkesan. Maka, penyelidik menggunakan Teori Pembelajaran Thorndike (1911) sebagai asas untuk membentuk Kerangka Konseptual Kajian dalam kajian impak PPG terhadap PdP di sekolah. Teori ini sesuai digunakan bagi kajian ini kerana memperkenalkan Hukum Kesediaan iaitu program yang dijalankan di IPG; Hukum Latihan ialah pembelajaran PPG bagi guru terlatih; dan Hukum Kesan adalah impak latihan pengajian PPG tersebut terhadap PdP di sekolah. Menurut Rauzah dan Muhammad (2013), teori ini adalah sesuai bagi menilai PdP yang berkesan.



Rajah 1: Teori Pembelajaran Thorndike (1911)

Sumber: Noriati A. Rashid, Boon P. Yong & Sharifah F. S. Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar, Siri Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Berdasarkan Rajah 1, Thorndike memperkenalkan tiga hukumnya iaitu Hukum Kesediaan, Hukum Latihan dan juga Hukum Kesan. Thorndike amat menyarankan ketiga-tiga hukum tersebut digunakan dalam mengawal pembelajaran manusia kerana beliau percaya jika hukum-hukum tersebut dipatuhi, maka pembelajaran akan menjadi mudah dan berkesan. Hukum kesediaan adalah perkara yang paling penting dan asas sebelum seseorang murid memulakan pembelajaran. Seseorang murid perlu mempunyai persiapan yang rapi sebelum menghadapi sesi pembelajaran di dalam kelas. Murid perlu mempersiapkan diri mereka dari segi mental, fizikal, emosi, sosial dan psikomotor sebelum pembelajaran berlaku. Faktor-faktor ini sangat membantu dalam mewujudkan aktiviti pembelajaran yang aktif, mudah, seronok dan berkesan (Siti Hasanah, 2013).


Justeru, kesediaan murid sangat penting dalam memulakan sesuatu aktiviti pembelajaran. Menurut Jamaluddin (2011), jika murid bersedia sepenuhnya untuk menjalani aktiviti pembelajaran, kesannya mereka akan berasa seronok sepanjang pembelajaran berlaku dan seterusnya objektif pembelajaran dapat dicapai dengan mudah. Guru boleh menggunakan motivasi yang sesuai untuk meningkatkan kesediaan murid untuk belajar. Kesediaan murid untuk belajar adalah perkara yang paling utama kerana jika mereka bersedia, maka gerak balas yang positif akan dihasilkan. Motivasi yang diberikan adalah sebagai satu rangsangan yang baik untuk meningkatkan semangat murid untuk belajar. Dalam Hukum Latihan pula, Thorndike berpendapat bahawa, perhubungan antara rangsangan dengan gerak balas akan bertambah kukuh jika latihan diberikan. Ini bermakna, untuk meningkatkan perhubungan antara rangsangan dan gerak balas, seseorang murid hendaklah diberi latihan dan pengulangan untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Semakin banyak latihan yang diberi semakin kukuh ikatan antara rangsangan dengan gerak balas seseorang murid. Sebagai contoh, jika seseorang murid diberi latihan Matematik yang banyak, murid itu akan menjadisemakin mahir dan tempoh masa untuk menyelesaikan soalan matematik tersebut semakin singkat. Ini juga dapat mengukuhkan dan meningkatkan kemahiran dan ingatan mereka terhadap isi pembelajaran yang telah dipelajari (Rosli Kamarudin, 2013).

Sehubungan itu, guru perlu sentiasa memberikan latihan, kuiz atau soal jawab yang menyeronokkan supaya murid dapat mengukuhkan dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran mereka. Hukum Kesan pula menyatakan bahawa perhubungan antara rangsangan dengan gerak balas akan bertambah kukuh jika terdapat kesan yang menyeronokkan. Manakala kesan yang menyakitkan akan melemahkan perhubungan antara rangsangan dan gerak balas. Ini bermakna, sekiranya seseorang murid mendapat kesan pembelajaran yang menyeronokkan, ini akan mendorong mereka memperolehi pencapaian yang lebih baik. Sebaliknya, jika seseorang murid mendapat kesan yang menyakitkan, gerak balas tersebut akan semakin lenyap. Perkara ini boleh dikaitkan dengan ganjaran dan denda yang diberikan berdasarkan gerak balas yang dihasilkan (Rauzah & Muhammad, 2013).

Oleh itu, guru berperanan mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan dengan memberi ganjaran, motivasi dan menyediakan peluang yang sama rata untuk semua murid supaya mereka terdorong untuk belajar. Guru juga perlu memastikan tugas yang diberi tidak terlalu tinggi supaya murid dapat menyelesaikannya dengan perasaan puas hati seterusnya dapat meningkatkan motivasi mereka untuk belajar. Di samping itu, guru boleh memberikan peluang kepada murid untuk menikmati

kejayaan yang diperoleh dalam pembelajaran mereka. Menurut Rauzah dan Muhammad (2013), guru tidak boleh memandang rendah terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh murid malah guru perlu memberikan sokongan yang padu supaya mereka tidak mudah putus asa dan akan terus mencuba untuk mencapai kejayaan yang mereka ingini. Kesimpulannya, teori ini menekankan peranan persekitaran dalam proses pembelajaran. Pembelajaran berlaku dengan wujudnya perkaitan dan perhubungan antara suatu rangsangan dengan suatu gerak balas. Disebabkan teori ini memberi penekanan terhadap tingkah laku, maka aktiviti yang menarik akan mendorong murid untuk terlibat aktif dalam proses pembelajaran di dalam kelas. Akhir sekali, ganjaran terhadap gerak balas yang baik dan peneguhan perlu diberi kepada murid bagi membantu murid menikmati perkembangan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

**KERANGKA KONSEPTUAL**



Rajah 2: Kerangka Konseptual Kajian Impak PPG Terhadap PdP Pendidikan Jasmani di Sekolah yang Diubahsuai daripada Implikasi Teori Pembelajaran Thorndike (1911).

## TINJAUAN LITERATUR

Perkembangan dalam dunia Pendidikan Jasmani menuntut setiap guru meningkatkan kemahiran mereka sejajar dengan keperluan semasa. Maka, PPG merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kualiti guru terutamanya untuk guru yang mengajar di sekolah rendah. Matlamat ini selaras dengan Program Transformasi Kerajaan yang melancarkan tawaran baharu untuk semua guru bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan serta meningkatkan profil dan profesionalisme kerjaya ini (Jamaluddin, 2011). Berikut merupakan sub topik berdasarkan beberapa kajian lepas mengenai kajian yang dijalankan:

### Program Pensiswazahan Guru

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah menawarkan sebanyak 13,213 tempat untuk PPG di Institut Pendidikan Guru (IPG) bermula Jun 2011 (Rauzah & Muhammad, 2013). Sehubungan itu, IPG kini menjadi tempat pembelajaran bagi guru-guru ini menimba ilmu selain di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). PPG merupakan satu inisiatif KPM untuk meningkatkan bilangan guru siswazah di sekolah iaitu seramai 60% di sekolah rendah dan 90% di sekolah menengah pada tahun 2015. Pengambilan pelajar PPG ini adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada guru terlatih yang sedang mengajar di sekolah. Menurut Rauzah dan Muhammad (2013), konsep pengajian yang dijalankan adalah secara pengajian jarak jauh (PJJ) yang hanya memerlukan pelajar datang ke kampus sebulan sekali sahaja. Selebihnya, interaksi program ini dijalankan melalui atas talian dan secara elektronik.

### Pengajaran dan Pembelajaran

Selain itu, Jamaluddin (2011) berpendapat bahawa PdP ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. PdP harus dirancang guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan. Sehubungan itu, kesan positif dalam PdP bagi kajian ini ialah supaya dapat meningkatkan kualiti profesional dalam diri seorang guru terlatih termasuk bagi guru opsyen Pendidikan Jasmani. Sifat dan kualiti profesional yang tinggi ini merupakan kewajiban seorang guru Pendidikan Jasmani yang bertauliah (Rosli, 2013). Seorang guru yang mempunyai daya usaha untuk meningkatkan tahap pencapaian diri tidak akan terperangkap dengan rutin yang membosankan murid untuk belajar. Guru Pendidikan Jasmani yang mempunyai daya usaha untuk meningkatkan diri akan berusaha mencari dan sentiasa memikirkan kaedah pengajaran yang baru supaya pengajarannya menarik dan berkesan.

Selain itu, menurut Rauzah dan Muhammad (2013), kesan positif lain yang dapat disenaraikan di sini ialah guru Pendidikan Jasmani dapat menghadapi cabaran dan tuntutan daripada strategi PdP dalam bilik darjah supaya lebih berkesan. Perubahan peranan guru Pendidikan Jasmani hari ini menuntut mereka supaya melengkapkan diri dengan ilmu baharu agar seiring dengan ledakan dunia pendidikan. Ini bermakna sistem latihan perguruan dahulu dianggap kurang sesuai dan tidak relevan untuk digunakan lagi untuk mencapai matlamat pendidikan yang baru. Guru Pendidikan Jasmani pada hari ini hendaklah sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dengan mengemaskini ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar dari semasa ke semasa.

### Guru Pendidikan Jasmani

Selanjutnya, Rosli (2013) menjelaskan bahawa, seorang guru Pendidikan Jasmani harus mempunyai akauntabiliti terhadap profesionnya. Oleh itu, pengajian PPG ini akan dapat meningkatkan imej profesion perguruan terutamanya bagi opsyen Pendidikan Jasmani supaya dapat memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi dan berkesan. Menurut beliau, dengan cara melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi ini akan membantu guru Pendidikan Jasmani supaya dapat menjalankan tugas dengan cekap dan sempurna kerana kemahiran yang dimiliki semakin bertambah. Ini merupakan salah satu usaha untuk menepati akauntabilitinya terhadap profesionalisme keguruan.

Perkembangan ilmu pengetahuan pada masa kini bukan sahaja pesat tetapi juga telah sampai ke peringkat meledak (Siti Hasanah, 2013). Justeru, sekiranya seseorang tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, lambat laun akan ketinggalan zaman. Sebagai contoh, kemahiran mengajar yang diperoleh oleh seorang guru Pendidikan Jasmani terlatih di maktab perguruan dahulu sudah tidak seiring dengan perkembangan pendidikan hari ini. Ini bermakna, untuk menyesuaikan diri dalam bidang kerja yang semakin kompleks dan canggih, guru perlu mengejar ilmu pengetahuan. Kita mungkin tidak mahu bidang pendidikan dipandang rendah. Oleh itu, kejayaan guru Pendidikan Jasmani untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi akan membuka mata masyarakat tentang kerjaya seorang guru bukan mudah dan sama tarafnya dengan kerjaya profesional lain seperti juruterbang.

### **Keberkesanan Pengajian Jarak Jauh**

Pengajian Jarak Jauh (PJJ) ini mungkin memberi kebaikan, kelebihan serta peluang kepada mereka yang sudah bekerja untuk belajar dan beberapa kebaikan PJJ adalah PJJ secara langsung membantu negara melahirkan guru yang professional dan berkelayakan (Jamaluddin, 2011). PJJ menyediakan banyak peluang pendidikan bagi semua guru boleh mengikuti kursus-kursus tertentu secara sambilan di pusat-pusat tertentu yang dekat dengan tempat tinggal atau kerja calon berkenaan. PJJ memungkinkan pelajar mengadakan jadual pembelajaran yang bersifat fleksibel. Corak pembelajaran ini mengurangkan tekanan di kalangan pelajar. PJJ menggalakkan pelajar berfikir, kreatif dan berdisiplin. Corak pembelajaran PJJ memaksa pelajar banyak berfikir utk menyelesaikan sesuatu permasalahan mahupun tugas.


Pun begitu, PJJ juga mempunyai beberapa kelemahan serta kerumitan yang terpaksa pelajar hadapi seperti PJJ menyukarkan komunikasi dua hala antara pelajar dengan pensyarah secara berkesan Rosli (2013). Tambahan beliau, peluang perbincangan langsung pada tahap minimum kerana mereka berada di tempat yg berbeza. Selain itu, PJJ juga merumitkan usaha mengadakan kerja kumpulan. Kesukaran untuk mengatur masa yang sesuai untuk menemukakan pelajar bagi sesuatu sisi perbincangan. Sehubungan itu, Fatimah (2002) menjelaskan bahawa terdapat beberapa kesan negatif yang timbul semasa guru Pendidikan Jasmani ini melanjutkan pelajaran melalui program PJJ. Sebagai contoh, akan wujud masalah pengurusan masa sekiranya guru tersebut tidak dapat membahagikan masa dengan baik. Pengurusan masa merupakan aspek penting untuk guru membahagikan antara pelajaran, aktiviti sekolah dan hubungan keluarga. Kebanyakan guru yang menyambung pelajaran secara jarak jauh atau luar kampus ini tidak dapat menunaikan atau melaksanakan komitmen mereka dengan baik (Siti Hasanah, 2013). Maka, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti sejauhmanakah hasil program ini dapat membantu kerjaya seseorang guru dengan memberikan PdP yang berkesan di sekolah.

### **METODOLOGI**

Bahagian ini membincangkan metodologi kajian yang menyentuh mengenai reka bentuk kajian, pemilihan persampelan, instrumen kajian dan kesahan serta kebolehpercayaan.

#### **Reka Bentuk Kajian**

Dalam konteks kajian ini, kaedah yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik dan kaedah kualitatif dengan menggunakan instrumen temubual serta pemerhatian. Kajian ini menggunakan reka bentuk huraian secara deskriptif dan naratif. Ia telah digunakan untuk menghuraikan persepsi siswa guru dan pentadbir sekolah tentang impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah.



Rajah 3 : Kaedah, Instrumen dan Sumber Data

Sumber: Creswell, J. W. dan Clark, V. L. P. (2011). *Designing and conducting mixed methods research* (2nd ed.)

### Persampelan

Bagi menjawab instrumen temubual, seramai 60 orang siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani telah dipilih secara variasi maksimum berdasarkan enam buah zon yang berbeza. Menurut Creswell dan Clark (2011), persampelan variasi maksimum melibatkan sampel dari pelbagai sudut dan kawasan. Justeru, penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian terhadap PdP seramai 60 orang responden. Manakala bagi menjawab instrumen soal selidik, seramai 480 orang responden telah dipilih melalui persampelan rawak bebas. Persampelan rawak bebas bagi instrumen tersebut adalah berdasarkan jumlah bilangan pelajar yang ditempatkan di enam buah zon IPG (Rosli, 2013). Berdasarkan 480 orang sampel tersebut, seramai 240 siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani dan 240 pentadbir sekolah telah dipilih dari 240 buah sekolah rendah di enam buah zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak.

### Instrumen kajian

Instrumen utama dalam kajian ini adalah satu set soalan temubual dan satu set soal selidik yang telah dibina khas untuk mengenalpasti impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah. Instrumen kajian bagi kedua-dua kaedah ini dibentuk oleh penyelidik berdasarkan kajian rintis temubual yang dilaksanakan ke atas 20 orang responden di sekitar Lembah Klang sebulan sebelum kajian sebenar dijalankan. Sehubungan itu, instrumen soal selidik telah dibina adalah berdasarkan dapatan daripada temubual tersebut. Penyataan soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A merangkumi aspek profil responden, manakala Bahagian B merangkumi tiga komponen utama yang meliputi komponen pengeahuan kandungan pedagogi dan kemahiran; peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah; dan perkembangan profesional. Selanjutnya, aspek terakhir meliputi langkah-langkah dan cadangan daripada responden untuk mengatasi masalah perngajian PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di masa akan datang.

### Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Selanjutnya, penyelidik telah menggunakan kesahan kandungan bagi mengukur tahap kesahan instrumen soal selidik kajian ini. Berdasarkan khidmat yang diberikan oleh tiga orang pakar, beberapa



penyataan dalam instrumen yang dibina telah diubah. Seterusnya, penyelidik telah menggunakan cara “*test-retest*” untuk menguji darjah kebolehpercayaan pernyataan dalam instrumen. Instrumen tersebut telah dinilai secara dua kali kepada kumpulan sampel yang sama iaitu seramai 20 orang dan dianalisis menerusi kolerasi Pearson untuk melihat kekuatan perhubungannya. Hasil daripada kajian rintis ini, didapati nilai pekali kebolehpercayaan ialah 0.821. Maka, nilai kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini adalah boleh diterima dan sesuai untuk digunakan dalam kajian ini.

### Penganalisisan Data

Penganalisisan data bertujuan untuk menjadikan data yang dikutip agar lebih bermakna. Bagi kajian ini, penyelidik telah menggunakan perisian SPSS 18.0 untuk menganalisis data statistik deskriptif dan inferensi. Selain itu, penyelidik telah menggunakan skala pemeringkatan skor min untuk menganalisis dapatan min mengikut statistik deskriptif (Mohd Majid, 2009). Berdasarkan julat skala tersebut, penyelidik telah melakukan pembahagian kepada tiga peringkat tahap iaitu tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah. Maka, julat di antara min telah dihitung dengan min yang tertinggi dibahagikan kepada tiga tahap seperti di Jadual 1.

Jadual 1

#### *Skala Pemeringkatan Skor Min*

| Bil Tahap | Skor Min    | Tahap Skala Pemeringkatan Skor Min |
|-----------|-------------|------------------------------------|
| 1         | 0.00 – 1.66 | Rendah                             |
| 2         | 1.67 – 3.33 | Sederhana                          |
| 3         | 3.34 – 5.00 | Tinggi                             |

Sumber: Mohd Majid Konting (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*.

Seterusnya, untuk melihat hubungan di antara faktor-faktor kekangan persoalan kajian 7 hingga 9, penyelidik menggunakan statistik inferensi iaitu pekali kolerasi “*Pearson Product-Moment*”.

### Prosedur Kutipan Data

Proses untuk mendapatkan data dijalankan peringkat demi peringkat supaya pengurusannya lebih tersusun dan teratur. Pada peringkat pertama, penyelidik memohon kebenaran menjalankan penyelidikan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Setelah mendapat kelulusan dan kebenaran daripada BPPDP, KPM, penyelidik perlu mendapatkan surat kebenaran menjalankan kajian tersebut daripada JPN, PPD dan guru besar sekolah-sekolah yang terlibat. Penyelidik menggunakan wakil yang terdiri daripada pensyarah IPG yang terlibat untuk mentadbir soal selidik dan sampel kajian. Sebanyak 600 set instrumen telah diedarkan dan penyelidik hanya menganalisis sebanyak 480 set instrumen yang dipulangkan. Ini bermakna, sebanyak 80% set instrumen telah diterima dan diproses.

### DAPATAN KAJIAN

#### **Tahap Komponen Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran; Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan Guru; dan Pembangunan Profesional terhadap Siswa Guru**

Seramai 240 orang siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani dari 240 buah sekolah telah dijadikan sebagai sampel kajian. Dalam kajian ini, 240 orang sampel tersebut telah dibagikan kepada

40 buah sekolah dari 6 buah zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Tengah, Zon, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Maka, kajian ini boleh digeneralisasikan kepada populasi siswa guru PPG di IPG. Responden yang dipilih adalah merupakan guru Pendidikan Jasmani di sekolah rendah yang sedang belajar di 27 buah kampus IPG di Malaysia. Selanjutnya, kajian ini akan menguji tahap tiga komponen iaitu pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran; peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah; dan perkembangan profesional telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang menggunakan nilai pengukuran seperti bilangan responden, peratus, min dan sisihan piawai. Sehubungan itu, dapatan statistik deskriptif ini telah disokong oleh dapatan instrumen temubual separa struktur yang dilaksanakan ke atas 60 orang responden di enam zon yang berbeza. Maka, Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan analisis dapatan kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif yang disokong oleh dapatan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif.

Jadual 2

*Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran berdasarkan Persepsi Siswa Guru*

| Bil. | Pernyataan                                      |               | Setuju          |               | Tidak Setuju   |                 | Min  | Sisihan Piawai | Tahap     |
|------|---|---------------|-----------------|---------------|----------------|-----------------|------|----------------|-----------|
|      |   |               | SS<br>N<br>(%)  | S<br>N<br>(%) | TS<br>N<br>(%) | STS<br>N<br>(%) |      |                |           |
| 1    | Belajar berdikari                               | secara        | 34<br>(14.2)    | 65<br>(27.1)  | 84<br>(35)     | 57<br>(23.8)    | 2.84 | 1.208          | Sederhana |
| 2    | Merancang pengajaran                            |               | 67<br>(5)       | 33<br>(10)    | 77<br>(5)      | 63<br>(40)      | 3.19 | .961           | Sederhana |
| 3    | Menyedia pengajaran                             | bahan         | 64<br>(15)      | 46<br>(15)    | 76<br>(10)     | 54<br>(10)      | 2.95 | 1.069          | Sederhana |
| 4    | Mengguna pengajaran.                            | bahan         | 78<br>(32.5)    | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)   | 66<br>(27.5)    | 3.05 | 1.181          | Sederhana |
| 5    | Mengajar bidang PPG                             | berkaitan     | 35<br>(14.6)    | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)   | 55<br>(22.9)    | 3.25 | 1.033          | Sederhana |
| 6    | Menyesuaikan dengan pelajar                     | PdP keperluan | 67<br>(5)       | 33<br>(10)    | 77<br>(5)      | 63<br>(40)      | 3.32 | .992           | Sederhana |
| 7    | Mengurus bilik darjah                           |               | 62<br>(25.8)    | 48<br>(20.2)  | 74<br>(30.8)   | 56<br>(23.2)    | 2.95 | 1.069          | Sederhana |
| 8    | Memantau pelajar                                | kemajuan      | 78<br>(32.5)    | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)   | 66<br>(27.5)    | 2.74 | 1.208          | Sederhana |
| 9    | Mentaksir pelajar                               | kemajuan      | 35<br>(14.6)    | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)   | 55<br>(22.9)    | 3.19 | .961           | Sederhana |
| 10   | Mengurus pengurusan                             | rekod         | 62<br>(26.7)    | 67<br>(27.7)  | 67<br>(27.7)   | 44<br>(18.3)    | 2.95 | 1.069          | Sederhana |
| 11   | Mengurus pengajaran                             | rekod         | 64<br>(15)      | 46<br>(15)    | 76<br>(10)     | 54<br>(10)      | 3.05 | 1.181          | Sederhana |
| 12   | Menunjukkan perkembangan profesional berterusan | secara        | 78<br>(32.5)    | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)   | 66<br>(27.5)    | 2.84 | 1.108          | Sederhana |
|      |   |               | Min Keseluruhan |               |                |                 | 3.04 | 1.001          | Sederhana |

SS÷Sangat Setuju, S÷Setuju, TS÷Tidak Setuju, STS÷Sangat Tidak Setuju

Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran dalam kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah dengan min keseluruhan ialah  $M=3.04$ ,  $SP=1.001$  pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa item menyesuaikan PdP dengan keperluan pelajar merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.32$ ,  $SP=0.992$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...saya sebagai guru amat mementingkan pengetahuan anak murid dari apa yang disampaikan oleh saya. Sehubungan itu, saya sering menyemak hasil kerja murid dan sering melihat kepada keperluan murid. Keperluan murid dalam pembelajaran amatlah penting untuk mereka memahami apa yang diajar oleh seseorang guru. Maka, saya sentiasa berkongsi idea bersama murid saya dan mengenalpasti apa yang mereka harapkan dalam pengajaran saya di kelas.*

(INF1/Utara/05.05.2014)

Manakala, item memantau kemajuan pelajar merupakan item yang terendah dengan  $M=2.74$ ,  $SP=1.108$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...saya agak kurang memantau kemajuan murid sekiranya saya sedang sibuk dengan kerja sekolah yang lain. Perkara ini harus diakui oleh semua guru di mana, bebanan kerja di sekolah akan menyebabkan mereka gagal untuk melaksanakan kerja yang cemerlang di dalam kelas. Oleh itu, saya terpaksa memeriksa buku murid di rumah selepas tamat waktu persekolahan.*

(INF2/Tengah/08.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran siswa guru semasa proses PdP Pendidikan Jasmani adalah baik dan berkesan. Siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani telah membuktikan bahawa pengalaman yang melebihi sedekad amat memberikan keyakinan kepada mereka untuk mencuba pelbagai kaedah pengajaran yang berbeza.

### Jadual 3

*Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah berdasarkan Persepsi Siswa Guru*

| Bil. | Pernyataan   | Tinggi         |               | Rendah        |                | Min  | Sisihan Piawai | Tahap     |
|------|--|----------------|---------------|---------------|----------------|------|----------------|-----------|
|      |  | ST<br>N<br>(%) | T<br>N<br>(%) | R<br>N<br>(%) | SR<br>N<br>(%) |      |                |           |
| 1    | Bekerja secara kolaborasi  | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)  | 55<br>(22.9)   | 2.82 | 1.108          | Sederhana |
| 2    | Memainkan peranan sebagai penggerak utama dalam menjana tindakan dan perubahan | 62<br>(26.7)   | 67<br>(27.7)  | 67<br>(27.7)  | 44<br>(18.3)   | 3.19 | .931           | Sederhana |
| 3    | Berkomunikasi dengan ibubapa pelajar   | 64<br>(15)     | 46<br>(15)    | 76<br>(10)    | 54<br>(10)     | 2.95 | 1.029          | Sederhana |
| 4    | Melibatkan diri dalam komuniti seperti   | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)  | 66<br>(27.5)   | 3.05 | 1.101          | Sederhana |

|   |  |              |              |              |              |             |              |                  |
|---|--|--------------|--------------|--------------|--------------|-------------|--------------|------------------|
|   | khidmat sukarelawan,<br>kelas tambahan dan<br>lain-lain  |              |              |              |              |             |              |                  |
| 5 | Menguruskan urusan pentadbiran panitia   | 35<br>(14.6) | 65<br>(27.1) | 85<br>(35.4) | 55<br>(22.9) | 3.25        | 1.032        | Sederhana        |
| 6 | Membuat tugas di sekolah sebagai mentor, rakan kritik dan guru pembimbing  | 67<br>(5)    | 33<br>(10)   | 77<br>(5)    | 63<br>(40)   | 3.32        | .950         | Sederhana        |
| 7 | Membuat tugas di luar sekolah seperti jurulatih peringkat daerah, negeri, pemeriksa peringkat kebangsaan dan lain-lain | 62<br>(26.7) | 67<br>(27.7) | 67<br>(27.7) | 44<br>(18.3) | 2.95        | 1.032        | Sederhana        |
| 8 | Memberi penjagaan pastoral (sokongan rakan sebaya/sokongan pelajar)  | 78<br>(32.5) | 42<br>(17.5) | 54<br>(22.5) | 66<br>(27.5) | 2.84        | 1.204        | Sederhana        |
|   | <b>Min Keseluruhan</b>   |              |              |              |              | <b>3.05</b> | <b>1.048</b> | <b>Sederhana</b> |

ST÷Sangat Tinggi, T÷Tinggi, R÷Rendah, SR÷Sangat Rendah

Jadual 3 menunjukkan tahap peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah dalam kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah dengan min keseluruhan ialah  $M=3.05$ ,  $SP=1.048$  pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa item membuat tugas di sekolah sebagai mentor, rakan kritik dan guru pembimbing merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.32$ ,  $SP=0.950$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...saya telah dilantik sebagai guru pembimbing oleh sekolah. Justeru, saya telah membimbing beberapa orang murid dalam pelajaran mereka. Saya adalah mentor yang sanggup berdepan dengan masalah yang dihadapi oleh murid demi kemajuan prestasi mereka. Saya sanggup melakukan semua tugas yang diberikan oleh pentadbir sekolah terutamanya yang berkaitan dengan murid.*

(INF1/Selatan/15.05.2014)

Manakala, item bekerja secara kolaborasi merupakan item yang terendah dengan  $M=2.82$ ,  $SP=1.108$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...saya agak kurang selesa dengan rakan sekolah tidak dapat memberikan komitmen yang baik ketika diarahkan melakukan sesuatu tugas. Oleh itu, saya agak sukar untuk berkolaborasi dengan orang lain. Saya takut sekiranya hasil daripada kerjasama berpasukan itu tidak dapat memberikan impak yang sepatutnya. Keputusan ini akan menyebabkan saya kecewa dan mungkin akan menyalahkan kesilapan itu kepada orang lain.*

(INF2/Sarawak/18.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah antara siswa guru dan murid menunjukkan mereka mempunyai hubungan yang baik dan saling hormat-menghormati. Siswa guru PPG menunjukkan bahawa mereka amat bertanggungjawab terhadap murid-murid di dalam kelas seperti memberi galakan dan memantau hasil kerja murid.

Jadual 4

*Perkembangan Profesional berdasarkan Persepsi Siswa Guru*

| Bil. | Pernyataan  | Tinggi         |               | Rendah        |                | Min  | Sisihan Piawai | Tahap     |
|------|---|----------------|---------------|---------------|----------------|------|----------------|-----------|
|      |   | ST<br>N<br>(%) | T<br>N<br>(%) | R<br>N<br>(%) | SR<br>N<br>(%) |      |                |           |
| 1    | Sebagai guru kelas  | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)  | 55<br>(22.9)   | 2.74 | 1.184          | Sederhana |
| 2    | Sebagai agen perubahan  | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)     | 63<br>(40)     | 3.24 | .991           | Sederhana |
| 3    | Sebagai peserta dalam proses perubahan  | 64<br>(15)     | 46<br>(15)    | 76<br>(10)    | 54<br>(10)     | 2.78 | 1.003          | Sederhana |
| 4    | Sebagai pengurus pembelajaran   | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)  | 66<br>(27.5)   | 3.15 | 1.181          | Sederhana |
| 5    | Sebagai ahli kepada kumpulan profesional akademik luar (contoh: MELTA, CELTA, BERA) | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)  | 55<br>(22.9)   | 3.35 | .973           | Sederhana |
| 6    | Sebagai ahli kepada kumpulan profesional untuk perbincangan                         | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)     | 63<br>(40)     | 3.42 | .968           | Tinggi    |
| 7    | Sebagai pengguna teknologi  | 64<br>(15)     | 46<br>(15)    | 76<br>(10)    | 54<br>(10)     | 2.75 | 1.022          | Sederhana |
| 8    | Sebagai penyelidik  | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)  | 66<br>(27.5)   | 2.94 | 1.208          | Sederhana |
| 9    | Sebagai pemimpin  | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)     | 63<br>(40)     | 3.19 | .961           | Sederhana |
| 10   | Sebagai jurulatih (Jurulatih Utama (JU))  | 62<br>(26.7)   | 67<br>(27.7)  | 67<br>(27.7)  | 44<br>(18.3)   | 2.95 | 1.039          | Sederhana |
| 11   | Sebagai pembangun kurikulum   | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)  | 66<br>(27.5)   | 3.25 | 1.081          | Sederhana |
| 12   | Sebagai pemeriksa   | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)  | 55<br>(22.9)   | 2.84 | 1.208          | Sederhana |
|      | Min Keseluruhan   |                |               |               |                | 3.07 | 1.028          | Sederhana |

ST÷Sangat Tinggi, T÷Tinggi, R÷Rendah, SR÷Sangat Rendah

Jadual 4 menunjukkan tahap perkembangan profesional dalam kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah dengan min keseluruhan ialah  $M=3.07$ ,  $SP=1.028$  pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa item sebagai ahli kepada kumpulan profesional untuk perbincangan merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.42$ ,  $SP=0.968$  pada tahap tinggi. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...saya adalah seorang guru yang mudah dibawa berbincang mengenai sesuatu perkara. Justeru, saya dilantik sebagai presiden kepada sebuah kelab sukan di dalam daerah ini. Sungguhpun kelab tersebut bukanlah di bawah naungan sekolah, namun saya sedia berbakti walau apa jua keadaan pun. Dalam masa yang sama, saya tidak akan sesekali meninggalkan tugas hakiki saya di sekolah.*

(INF1/Sabah/16.05.2014)

Manakala, item sebagai guru kelas merupakan item yang terendah dengan  $M=2.74$ ,  $SP=1.184$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...saya rasa semua guru sering menolak untuk menjadi guru kelas setiap tahun. Ini kerana beban kerja yang agak banyak seperti menguruskan murid, buku teks, kedatangan, markah murid dan masuk keluar murid di dalam sistem pentadbiran. Saya sudah berpengalaman menjadi guru kelas selama 15 tahun. Macam-macam yang telah saya tempuhi dan lalui.*

(INF2/Tengah/17.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa perkembangan profesional siswa guru PPG adalah pada tahap yang positif di mana mereka sanggup mengorbankan masa pada hujung minggu untuk belajar dan kembali semula ke sekolah untuk belajar. Siswa guru PPG menunjukkan bahawa mereka amat profesional dalam menjalankan tugas hakiki dan dapat menyampaikan PdP Pendidikan Jasmani dengan berkesan.

### **Tahap Komponen Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran; Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan Guru; dan Pembangunan Profesional terhadap Pentadbir Sekolah**

Seramai 240 orang pentadbir dari 240 buah sekolah telah dijadikan sebagai sampel kajian. Dalam kajian ini, 240 orang sampel tersebut telah dibagikan kepada 40 buah sekolah dari setiap enam buah zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Tengah, Zon, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Maka, kajian ini boleh digeneralisasikan kepada populasi siswa guru PPG di IPG. Responden yang dipilih adalah merupakan pentadbir di sekolah rendah yang sedang bertugas bersama siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani yang masih menuntut di 27 buah kampus IPG di Malaysia. Maka, kajian ini boleh digeneralisasikan kepada populasi pentadbir sekolah terhadap siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani di Malaysia. Selanjutnya, kajian ini akan menguji tahap tiga komponen iaitu pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran; peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah; dan perkembangan profesional telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang menggunakan nilai pengukuran seperti bilangan responden, peratus, min dan sisihan piawai. Sehubungan itu, dapatan statistik deskriptif ini telah disokong oleh dapatan instrumen temubual separa struktur yang dilaksanakan ke atas 60 orang responden di enam zon yang berbeza. Maka, Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7 menunjukkan analisis dapatan kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif yang disokong oleh dapatan kajian yang menggunakan kaedah kualitatif. Responden yang dipilih adalah merupakan salah seorang pentadbir yang terdiri daripada Guru Besar, Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum yang bertugas bersama siswa guru PPG di sekolah yang sama.

Jadual 5

*Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran berdasarkan Persepsi Pentadbir Sekolah*

| Bil.            | Penyataan                                       |        | Setuju         |               | Tidak Setuju   |                 | Min  | Sisihan Piawai | Tahap     |
|-----------------|---|--------|----------------|---------------|----------------|-----------------|------|----------------|-----------|
|                 |   |        | SS<br>N<br>(%) | S<br>N<br>(%) | TS<br>N<br>(%) | STS<br>N<br>(%) |      |                |           |
| 1               | Belajar berdikari                               | secara | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)   | 55<br>(22.9)    | 2.64 | 1.208          | Sederhana |
| 2               | Merancang pengajaran                            |        | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)      | 63<br>(40)      | 3.42 | .980           | Tinggi    |
| 3               | Menyedia pengajaran                             | bahan  | 64<br>(15)     | 46<br>(15)    | 76<br>(10)     | 54<br>(10)      | 2.85 | 1.149          | Sederhana |
| 4               | Mengguna pengajaran.                            | bahan  | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)   | 66<br>(27.5)    | 3.15 | 1.081          | Sederhana |
| 5               | Mengajar berkaitan bidang PPG                   |        | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)   | 55<br>(22.9)    | 3.25 | 1.033          | Sederhana |
| 6               | Menyesuaikan PdP dengan keperluan pelajar       |        | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)      | 63<br>(40)      | 3.14 | 1.108          | Sederhana |
| 7               | Mengurus darjah                                 | bilik  | 62<br>(26.7)   | 67<br>(27.7)  | 67<br>(27.7)   | 44<br>(18.3)    | 2.85 | 1.059          | Sederhana |
| 8               | Memantau kemajuan pelajar                       |        | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)   | 66<br>(27.5)    | 2.74 | 1.108          | Sederhana |
| 9               | Mentaksir kemajuan pelajar                      |        | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)   | 55<br>(22.9)    | 3.29 | .971           | Sederhana |
| 10              | Mengurus pengurusan                             | rekod  | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)      | 63<br>(40)      | 2.85 | 1.059          | Sederhana |
| 11              | Mengurus pengajaran                             | rekod  | 64<br>(15)     | 46<br>(15)    | 76<br>(10)     | 54<br>(10)      | 3.15 | 1.161          | Sederhana |
| 12              | Menunjukkan perkembangan profesional berterusan | secara | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)   | 66<br>(27.5)    | 2.94 | 1.108          | Sederhana |
| Min Keseluruhan |   |        |                |               |                |                 | 3.02 | 1.073          | Sederhana |

SS÷Sangat Setuju, S÷Setuju, TS÷Tidak Setuju, STS÷Sangat Tidak Setuju

Jadual 5 menunjukkan tahap pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran dalam kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah dengan min keseluruhan ialah  $M=3.02$ ,  $SP=1.073$  pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa item merancang pengajaran merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.42$ ,  $SP=0.980$  pada tahap tinggi.

Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...bagi saya, siswa guru PPG ini sangat mementingkan persediaan rancangan mengajar beliau. Ini kerana tanpa persiapan buku ringkasan tersebut, maka tiadalah tanda seorang cikgu itu bersedia. Beliau sangat rajin menyiapkan buku ringkasan tersebut dan sekaligus dapat mengajar mengikut apa yang dirancang. Syabas diucapkan kepada beliau.*

(INF1/Utara/05.05.2014)

Manakala, item belajar secara berdikari merupakan item yang terendah dengan  $M=2.64$ ,  $SP=1.208$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...saya beranggapan bahawa cikgu ini masih lagi memerlukan bimbingan. Ini kerana tanpa disuruh, beliau agak malas dan tidak mahu melakukan sebarang tugas yang diberikan dengan alasan sibuk dengan tugas PPG. Alasan sebegini yang saya tidak boleh terima kerana beliau seharusnya bijak menguruskan masa tanpa mengabaikan tugas hakiki di sekolah. Kalau beliau bercakap bab poligami, pandai pula bercakap mengenai pengurusan masa.*

(INF2/Tengah/08.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran pentadbir sekolah dalam menilai prestasi PdP Pendidikan Jasmani siswa guru pelatih ini adalah baik dan berkesan. Siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani telah membuktikan bahawa pengalaman yang melebihi sedekad amat memberikan keyakinan kepada mereka untuk mencuba pelbagai kaedah pengajaran yang berbeza.

Jadual 6

*Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah berdasarkan Persepsi Pentadbir Sekolah*

| Bil. | Pernyataan   | Tinggi    |           | Rendah    |           | Min  | Sisihan Piawai | Tahap     |
|------|--|-----------|-----------|-----------|-----------|------|----------------|-----------|
|      |  | ST N (%)  | T N (%)   | R N (%)   | SR N (%)  |      |                |           |
| 1    | Bekerja secara kolaborasi                                    | 35 (14.6) | 65 (27.1) | 85 (35.4) | 55 (22.9) | 2.94 | 1.102          | Sederhana |
| 2    | Memainkan peranan sebagai penggerak dalam tindakan perubahan | 67 (5)    | 33 (10)   | 77 (5)    | 63 (40)   | 3.29 | .991           | Sederhana |
| 3    | Berkomunikasi dengan ibubapa pelajar                         | 62 (26.7) | 67 (27.7) | 67 (27.7) | 44 (18.3) | 2.85 | 1.129          | Sederhana |
| 4    | Melibatkan diri dalam komuniti seperti khidmat               | 78 (32.5) | 42 (17.5) | 54 (22.5) | 66 (27.5) | 3.05 | 1.101          | Sederhana |



|   |   |              |              |              |              |      |       |           |
|---|---|--------------|--------------|--------------|--------------|------|-------|-----------|
|   | sukarelawan, kelas tambahan dan lain-lain.  |              |              |              |              |      |       |           |
| 5 | Menguruskan urusan pentadbiran cth. Panitia   | 35<br>(14.6) | 65<br>(27.1) | 85<br>(35.4) | 55<br>(22.9) | 3.25 | 1.022 | Sederhana |
| 6 | Membuat tugas di sekolah sebagai mentor, rakan kritikal, guru pembimbing dan lain-lain.                                 | 67<br>(5)    | 33<br>(10)   | 77<br>(5)    | 63<br>(40)   | 2.92 | 1.178 | Sederhana |
| 7 | Membuat tugas di luar sekolah seperti jurulatih peringkat daerah, negeri, pemeriksa peringkat kebangsaan dan lain-lain. | 64<br>(15)   | 46<br>(15)   | 76<br>(10)   | 54<br>(10)   | 3.42 | .978  | Tinggi    |
| 8 | Memberi penjagaan pastoral (sokongan rakan sebaya/sokongan pelajar)   | 78<br>(32.5) | 42<br>(17.5) | 54<br>(22.5) | 66<br>(27.5) | 2.94 | 1.204 | Sederhana |
|   | Min Keseluruhan   |              |              |              |              | 3.07 | 1.069 | Sederhana |

ST÷Sangat Tinggi, T÷Tinggi, R÷Rendah, SR÷Sangat Rendah

Jadual 6 menunjukkan tahap peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah dalam kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah dengan min keseluruhan ialah  $M=3.07$ ,  $SP=1.069$  pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa item membuat tugas di luar sekolah seperti jurulatih peringkat daerah, negeri, pemeriksa peringkat kebangsaan dan lain-lain merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.42$ ,  $SP=0.978$  pada tahap tinggi. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...saya melihat guru ni dari sudut positif. Beliau sangat aktif di luar seperti menjadi jurulatih sukan tenis sehingga ke peringkat antarabangsa. Kami di sekolah amat berbangga dengan kejayaan beliau. Namun, tidak dinafikan bahawa, disebabkan terlalu aktif di luar, beliau terpaksa meninggalkan sekolah dalam tempoh yang agak lama.*

(INF1/Selatan/15.05.2014)

Manakala, item berkomunikasi dengan ibu bapa pelajar merupakan item yang terendah dengan  $M=2.85$ ,  $SP=1.129$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...guru ini agak jarang berkomunikasi dengan ibu bapa disebabkan terlalu sibuk dengan tugas di luar. Saya tidak begitu pasti sama ada guru ini langsung tidak berkomunikasi ataupun tidak. Bagi saya*

*biarpun sesibuk mana seseorang guru dengan tugas hariannya, kita haruslah sentiasa dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan ibu bapa. Guru perlu beranggapan bahawa ibu bapa adalah merupakan salah seorang klien mereka di sekolah selain murid.*

(INF2/Tengah/18.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah antara pentadbir sekolah dan siswa guru menunjukkan mereka mempunyai hubungan yang baik dan saling hormat-menghormati. Pentadbir sekolah menunjukkan bahawa mereka amat bertanggungjawab terhadap siswa guru di dalam kelas seperti memberi galakan dan membantu tugas yang diberikan oleh pensyarah.

Jadual 7

*Perkembangan Profesional berdasarkan Persepsi Pentadbir Sekolah*

| Bil. | Penyataan   | Tinggi         |               | Rendah        |                | Min  | Sisihan Piawai | Tahap     |
|------|---|----------------|---------------|---------------|----------------|------|----------------|-----------|
|      |   | ST<br>N<br>(%) | T<br>N<br>(%) | R<br>N<br>(%) | SR<br>N<br>(%) |      |                |           |
| 1    | Sebagai guru kelas  | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)  | 55<br>(22.9)   | 2.94 | 1.084          | Sederhana |
| 2    | Sebagai agen perubahan  | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)     | 63<br>(40)     | 3.52 | .958           | Tinggi    |
| 3    | Sebagai peserta dalam proses perubahan  | 64<br>(15)     | 46<br>(15)    | 76<br>(10)    | 54<br>(10)     | 2.88 | 1.003          | Sederhana |
| 4    | Sebagai pengurus pembelajaran   | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)  | 66<br>(27.5)   | 3.25 | 1.181          | Sederhana |
| 5    | Sebagai ahli kepada kumpulan profesional akademik luar (contoh: MELTA, CELTA, BERA) | 35<br>(14.6)   | 65<br>(27.1)  | 85<br>(35.4)  | 55<br>(22.9)   | 3.45 | .973           | Tinggi    |
| 6    | Sebagai ahli kepada kumpulan profesional untuk perbincangan                         | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)     | 63<br>(40)     | 3.34 | .998           | Tinggi    |
| 7    | Sebagai pengguna teknologi.   | 62<br>(26.7)   | 67<br>(27.7)  | 67<br>(27.7)  | 44<br>(18.3)   | 2.81 | 1.222          | Sederhana |
| 8    | Sebagai penyelidik  | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)  | 66<br>(27.5)   | 3.14 | 1.108          | Sederhana |
| 9    | Sebagai pemimpin  | 67<br>(5)      | 33<br>(10)    | 77<br>(5)     | 63<br>(40)     | 3.29 | .961           | Sederhana |
| 10   | Sebagai jurulatih (Jurulatih Utama (JU))  | 64<br>(15)     | 46<br>(15)    | 76<br>(10)    | 54<br>(10)     | 3.05 | 1.039          | Sederhana |
| 11   | Sebagai pembangun kurikulum   | 78<br>(32.5)   | 42<br>(17.5)  | 54<br>(22.5)  | 66<br>(27.5)   | 3.15 | 1.081          | Sederhana |

|    |                   |              |              |              |              |      |       |           |
|----|-------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------|-------|-----------|
| 12 | Sebagai pemeriksa | 35<br>(14.6) | 65<br>(27.1) | 85<br>(35.4) | 55<br>(22.9) | 2.94 | 1.208 | Sederhana |
|    | Min Keseluruhan   |              |              |              |              | 3.15 | 1.059 | Sederhana |

ST÷Sangat Tinggi, T÷Tinggi, R÷Rendah, SR÷Sangat Rendah

Jadual 7 menunjukkan tahap perkembangan profesional dalam kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah dengan min keseluruhan ialah  $M=3.15$ ,  $SP=1.059$  pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa item sebagai agen perubahan merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.52$ ,  $SP=0.958$  pada tahap tinggi. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...guru PPG tersebut adalah merupakan seorang guru yang komited dengan kerjanya. Oleh itu, beliau merupakan agen perubahan dan contoh kepada murid-murid. Gaya percakapan, corak pemakaian, budi bicara dan teknik pengajaran sering dijadikan contoh kepada cikgu-cikgu lain di sekolah. Walaupun beliau sibuk sebagai guru PPG, beliau masih lagi mampu melakukan tugas beliau di sekolah dengan baik dan berkesan.*

(INF1/Selatan/16.05.2014)

Manakala, item sebagai pengguna teknologi merupakan item yang terendah dengan  $M=2.81$ ,  $SP=1.222$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...beliau ni agak veteran jika dibandingkan dengan pakar-pakar teknologi maklumat di sekolah ini. Guru yang agak berumur sememangnya agak sukar untuk menerima penggunaan teknologi maklumat ini. Namun, beliau haruslah belajar bagaimana untuk menggunakan teknologi terkini walaupun terpaksa menggunakannya hanya untuk menyiapkan tugas PPG.*

(INF2/Tengah/17.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa perkembangan profesional siswa guru PPG adalah pada tahap yang positif di mana mereka sanggup mengorbankan masa pada hujung minggu untuk belajar dan kembali semula ke sekolah untuk belajar. Pentadbir sekolah pula menunjukkan bahawa mereka amat profesional dalam menjalankan tugas hakiki dan membantu siswa guru PPG dalam menyampaikan PdP Pendidikan Jasmani dengan berkesan. Tahap Faktor Komponen Instrumen Soal Selidik

Jadual 8

*Tahap Faktor Komponen Kajian Impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di Sekolah berdasarkan Persepsi Siswa Guru*

| Kedudukan | Komponen Kekangan                              | Min  | Skala Pemingkatan Min |
|-----------|--|------|-----------------------|
| 1         | Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran   | 3.04 | Sederhana             |
| 2         | Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah | 3.05 | Sederhana             |
| 3         | Perkembangan Profesional                       | 3.07 | Sederhana             |

Berdasarkan Jadual 8, tahap faktor komponen kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah bagi siswa guru telah ditentukan dengan menggunakan skala pemingkatan min.

Data tersebut menunjukkan, tahap komponen perkembangan profesional merupakan tahap yang tertinggi diikuti dengan komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah pada tahap yang sederhana. Manakala, komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran pula menduduki di tangga yang terakhir dengan juga skala pemeringkatan min yang sederhana. Ini menjelaskan bahawa, ketiga-tiga komponen bagi siswa guru PPG tersebut mempunyai perkaitan yang tinggi dan impak PPG ini secara tidak langsung mempengaruhi pelaksanaan PdP Pendidikan Jasmani yang berkesan di sekolah.

Jadual 9

*Tahap Komponen Kajian Impak PPG terhadap PdP di Sekolah berdasarkan Persepsi Pentadbir Sekolah*

| Kedudukan | Komponen Kekangan                              | Min  | Skala Pemeringkatan Min |
|-----------|--|------|-------------------------|
| 1         | Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran   | 3.02 | Sederhana               |
| 2         | Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah | 3.07 | Sederhana               |
| 3         | Perkembangan Profesional                       | 3.15 | Sederhana               |

Berdasarkan Jadual 9, tahap faktor komponen kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah bagi pentadbir sekolah telah ditentukan dengan menggunakan skala pemeringkatan min. Data tersebut menunjukkan, tahap komponen perkembangan profesional merupakan tahap yang tertinggi diikuti dengan komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah pada tahap yang sederhana. Manakala, komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran pula menduduki di tangga yang terakhir dengan juga skala pemeringkatan min yang sederhana. Ini menjelaskan bahawa, ketiga-tiga komponen bagi pentadbir sekolah juga tersebut mempunyai perkaitan yang tinggi dan impak PPG ini secara tidak langsung mempengaruhi pelaksanaan PdP yang berkesan di sekolah.

#### **Pekali Kolerasi “Pearson Product-Moment”**

Jadual 10

*Hubungan Komponen Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran antara Siswa Guru dan Pentadbir Sekolah*

| Sumber  | Min Komponen Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran Siswa Guru | Min Komponen Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran Pentadbir Sekolah |
|---|--|---|
| Min Komponen Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran Siswa Guru        | 1  | .625  |
|   | “Sig. (2-tailed)”  | -.002   |
| Min Komponen Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran Pentadbir Sekolah | .625   | 1   |
|   | “Sig. (2-tailed)”  | -.002   |

$p > 0.05$

Jadual 10 menunjukkan, kolerasi komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran antara siswa guru dan pentadbir sekolah adalah sederhana dengan nilai  $r=0.625$ . Kolerasi tersebut adalah signifikan kerana kurang daripada 0.05. Ini bermakna, hubungan antara komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran bagi siswa guru dan pentadbir sekolah adalah kuat. Dapatan ini selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...hubungan pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran amat penting dalam menjana pendidikan murid pada masa kini. Cikgu perlu menguasai teknik pengajaran yang berkesan dan sekaligus ia dapat meningkatkan sesuatu ilmu dalam mata pelajaran yang diajar. Pentadbir perlu memainkan peranan dalam membentuk ilmu para guru dengan mengadakan latihan dalam perkhidmatan dan menghantar cikgu ke kursus-kursus tertentu. Sehubungan itu, guru pula dinasihatkan jangan mengelak dari menghadiri kursus tersebut.*

(INF4/Tengah/22.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran adalah pada tahap yang positif di mana mereka sanggup meluangkan masa bersama dan saling tolong menolong antara satu sama lain. Penyelidik mendapati bahawa, pentadbir sekolah amat mengambil berat tentang PdP siswa guru di dalam kelas. Mereka sering berkongsi pendapat dan memberi cadangan untuk meningkatkan tahap PdP siswa guru ke arah yang lebih baik.

Jadual 11

*Hubungan Komponen Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah antara Siswa Guru dan Pentadbir Sekolah*

| Sumber   | Min Komponen Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah bagi Siswa Guru | Min Komponen Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah bagi Pdtadbir Sekolah |
|--|---|---|
| Min Komponen Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah bagi Siswa Guru        | 1   | .616*   |
|  | "Pearson Correlation"   |   |
|  |   | "Sig. (2-tailed)"   |
|  |   | -.002   |
| Min Komponen Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah bagi Pentadbir Sekolah | .616*   | 1   |
|  | "Pearson Correlation"   |   |
|  |   | "Sig. (2-tailed)"   |
|  | -.002   |   |

p > 0.05

Jadual 11 menunjukkan, kolerasi komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah antara siswa guru dan pentadbir sekolah adalah baik dengan nilai  $r=0.616$ . Kolerasi tersebut adalah signifikan kerana kurang daripada 0.05. Ini bermakna, hubungan antara komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah bagi siswa guru dan pentadbir sekolah adalah sederhana. Dapatan ini selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...hubungan antara guru PPG dan pentadbir haruslah saling faham-memahami. Ini adalah demi kepentingan kedua-dua belah pihak. Sebagai contoh, pentadbir harus membenarkan guru PPG menghadiri kelas pada hujung minggu dan membenarkan mereka menduduki peperiksaan pada hari tertentu. Manakala, guru PPG pula perlu melaksanakan tugas hakiki dengan baik di dalam kelas. Kelas adalah tempat kita berkongsi ilmu dengan murid dan bukannya tempat mencari ilham untuk menyelesaikan tugas PPG. Maka, kedua-dua harus faham mengenai tugas tersebut.*

(INF5/Timur/28.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah antara siswa guru dan pentadbir sekolah adalah pada tahap yang positif di mana

mereka bertanggungjawab demi kemajuan anak didik di sekolah tanpa mengira latar belakang seseorang murid. Penyelidik mendapati bahawa, pentadbir sekolah dan siswa guru memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap murid memahami isi kandungan pengetahuan, kemahiran dan ilmu Pendidikan Jasmani yang disampaikan.

Jadual 12

*Hubungan Komponen Perkembangan Profesional antara Siswa Guru dan Pentadbir Sekolah > 0.05*

| Sumber   |                       | Min Kekangan Pentadbiran | Min Kekangan Guru Pendidikan Jasmani |
|--|-----------------------|--------------------------|--------------------------------------|
| Min Komponen Perkembangan Profesional bagi Siswa Guru        | "Pearson Correlation" | 1                        | .651                                 |
|  | "Sig. (2-tailed)"     |                          | -.002                                |
| Min Komponen Perkembangan Profesional bagi Pentadbir Sekolah | "Pearson Correlation" | .651                     | 1                                    |
|  | "Sig. (2-tailed)"     | -.002                    |                                      |

$p > 0.05$

Jadual 12 menunjukkan, kolerasi komponen perkembangan profesional antara siswa guru dan pentadbir sekolah adalah sederhana dengan nilai  $r=0.651$ . Kolerasi tersebut adalah signifikan kerana kurang daripada 0.05. Ini bermakna, hubungan antara komponen perkembangan profesional bagi siswa guru dan pentadbir sekolah adalah sederhana. Dapatan ini selari dengan dapatan temubual. Pandangan dan persepsi responden adalah seperti berikut:

*...hubungan profesional antara guru PPG dan pentadbir sekolah adalah seperti saling bekerjasama dalam menguruskan murid, menguruskan sesuatu acara rasmi dan melaksanakan apa yang diarahkan oleh pentadbir. Hubungan ini adalah sangat penting dalam meningkatkan prestasi sekolah dari segi kurikulum dan kokurikulum. Dalam masa yang sama, guru dalam meningkatkan kecekapan kemahiran dalam menguruskan sesuatu perkara.*

(INF3/Utara/21.05.2014)

Dari sudut pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa perkembangan profesional antara siswa guru dan pentadbir sekolah adalah sederhana di mana mempunyai tugas yang lain selain PdP. Mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran yang memerlukan guru yang berkemahiran. Justeru, siswa guru Pendidikan Jasmani dilihat mampu menyumbangkan tenaga dan sikap profesional mereka seperti sanggup berjemur di tengah padang dan mengajar di luar waktu persekolahan. Penyelidik juga mendapati bahawa, pentadbir sekolah amat menyokong dan menggalakkan siswa guru dalam menyampaikan PdP yang berkesan di samping membantu mereka di padang.

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Secara umumnya, kesan ke atas diri siswa guru PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah adalah pada tahap yang sederhana berdasarkan persepsi pentadbir sekolah ke atas siswa guru PPG yang mereka kenali. Berdasarkan dapatan kajian, tahap faktor komponen kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah bagi pentadbir sekolah telah ditentukan dengan menggunakan skala pemeringkatan min yang pada asasnya dibentuk oleh Mohd Majid (2009). Data tersebut menunjukkan, tahap komponen perkembangan profesional merupakan tahap yang tertinggi

diikuti dengan komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah pada tahap yang sederhana. Manakala, komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran pula menduduki di tangga yang terakhir dengan juga skala pemeringkatan min yang sederhana. Ini menjelaskan bahawa, ketiga-tiga komponen bagi pentadbir sekolah juga tersebut mempunyai perkaitan yang tinggi dan impak PPG ini secara tidak langsung mempengaruhi pelaksanaan PdP Pendidikan Jasmani yang berkesan di sekolah. Ini menunjukkan bahawa, pentadbir sekolah menyokong penuh siswa guru PPG ini menyambung pelajaran dan meningkatkan ilmu konten dalam PdP Pendidikan Jasmani mereka (Fatimah, 2012).

### **Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran berdasarkan Persepsi Siswa Guru**

Persepsi siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani menunjukkan komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran adalah pada tahap sederhana dengan min keseluruhan ialah  $M=3.04$ ,  $SP=1.001$ . Ini menunjukkan bahawa, siswa guru amat mementingkan pengetahuan anak murid dari apa yang disampaikan oleh mereka. Sehubungan itu, mereka harus menyemak hasil kerja murid dan melihat keperluan murid di sekolah (Ibrahim, 2010). Manakala, hasil kajian mendapati bahawa item menyesuaikan PdP dengan keperluan pelajar merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.32$ ,  $SP=0.992$  pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa, keperluan murid dalam pembelajaran amatlah penting untuk difahami oleh seseorang guru. Maka, guru hendaklah sentiasa berkongsi idea bersama murid dan mengenalpasti apa yang mereka harapkan dalam sesebuah PdP Pendidikan Jasmani (Jamaluddin, 2011).

### **Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah berdasarkan Persepsi Siswa Guru**

Selanjutnya, persepsi siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani menunjukkan komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah adalah pada tahap sederhana dengan min keseluruhan ialah  $M=3.05$ ,  $SP=1.048$ . Dapatan ini disokong oleh Rauzah dan Muhammad (2013) bahawa, guru yang cemerlang mampu melakukan pelbagai kerja walaupun mereka mempunyai tugas lain yang perlu diselesaikan. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa item membuat tugas di sekolah sebagai mentor, rakan kritik dan guru pembimbing merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.32$ ,  $SP=0.950$  pada tahap sederhana. Dapatan tersebut disokong oleh Rosli (2013) yang menjelaskan bahawa, seorang guru Pendidikan Jasmani yang cemerlang harus sanggup melakukan semua tugas yang diberikan oleh pentadbir terutamanya yang berkaitan dengan murid.

### **Perkembangan Profesional berdasarkan Persepsi Siswa Guru**

Selain itu, persepsi siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani menunjukkan komponen perkembangan profesional adalah pada tahap sederhana dengan min keseluruhan ialah  $M=3.07$ ,  $SP=1.028$ . Dapatan ini disokong oleh Siti Hasanah (2013) yang menjelaskan bahawa, seorang guru yang mudah didekati oleh masyarakat adalah seorang guru yang mudah dibawa berbincang mengenai sesuatu perkara. Hasil kajian ini mendapati bahawa, item sebagai ahli kepada kumpulan profesional untuk perbincangan merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.42$ ,  $SP=0.968$  pada tahap tinggi. Dapatan tersebut disokong oleh Fatimah (2012) bahawa, guru yang sibuk dalam tugas profesional tidak boleh sesekali meninggalkan tugas hakiki di sekolah.

### **Pengetahuan Kandungan Pedagogi dan Kemahiran berdasarkan Persepsi Pentadbir Sekolah**

Persepsi siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani terhadap komponen pengetahuan kandungan pedagogi dan kemahiran dalam kajian ini adalah pada tahap sederhana dengan min keseluruhan  $M=3.02$ ,  $SP=1.073$ . Hasil kajian mendapati bahawa item merancang pengajaran merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.42$ ,  $SP=0.980$  pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa, pentadbir sekolah amat mementingkan pengetahuan yang ada pada para guru untuk disampaikan kepada anak murid (Ibrahim, 2010). Pentadbir sekolah berpendapat bahawa siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani sangat mementingkan persediaan rancangan mengajar mereka. Pendapat ini disokong oleh Jamaluddin (2011) bahawa, guru yang cemerlang hendaklah sentiasa tidak malu mencari ilmu serta sanggup meningkatkan taraf pengetahuan mereka.

### **Peranan, Tanggungjawab dan Hubungan di Sekolah berdasarkan Persepsi Pentadbir Sekolah**

Selanjutnya, persepsi siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani menunjukkan komponen peranan, tanggungjawab dan hubungan di sekolah dalam kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah dengan min keseluruhan ialah  $M=3.07$ ,  $SP=1.069$  pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa item membuat tugas di luar sekolah seperti jurulatih peringkat daerah, negeri, pemeriksa peringkat kebangsaan dan lain-lain merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.42$ ,  $SP=0.978$  pada tahap tinggi. Persepsi pentadbir sekolah menjelaskan bahawa, mereka amat menggalakkan guru Pendidikan Jasmani untuk menggalas tugas di luar dan berbakti dalam pelbagai aktiviti sukan. Dapatan tersebut disokong oleh Rosli (2013) yang menjelaskan bahawa, seorang guru Pendidikan Jasmani yang cemerlang harus meletakkan diri mereka sebagai guru yang sanggup melakukan pelbagai tugas tanpa memberi sebarang alasan.

### **Perkembangan Profesional berdasarkan Persepsi Pentadbir Sekolah**

Selain itu, persepsi siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani menunjukkan komponen perkembangan profesional dalam kajian impak PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah dengan min keseluruhan ialah  $M=3.15$ ,  $SP=1.059$  pada tahap sederhana. Hasil kajian mendapati bahawa item sebagai agen perubahan merupakan item yang tertinggi dalam komponen ini dengan  $M=3.52$ ,  $SP=0.958$  pada tahap tinggi. Persepsi pentadbir sekolah menjelaskan bahawa, mereka amat menggalakkan guru Pendidikan Jasmani ini melanjutkan pelajaran demi kerjaya dan perkembangan profesionalisme keguruan. Dapatan tersebut disokong oleh Fatimah (2012) bahawa, guru Pendidikan Jasmani merupakan guru yang paling penting di sekolah kerana dengan pengalaman dan kemahiran mereka, mereka amat diperlukan untuk membantu pelbagai tugas yang tidak mampu dilaksanakan oleh sesetengah guru mata pelajaran lain.

### **IMPLIKASI**

Hasil kajian ini menunjukkan tanda positif walaupun peningkatan PPG terhadap PdP Pendidikan Jasmani di sekolah hanya menunjukkan pada tahap yang sederhana. Ini bermakna, siswa guru PPG opsyen Pendidikan Jasmani perlu memanfaatkan pengetahuan yang dipelajari di IPG atau di universiti untuk mempraktikkan dan sekaligus meningkatkan tahap PdP mereka di sekolah. Kajian ini telah memberi penumpuan terhadap keberkesanan pengajian PJJ dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani serta dapat memberikan satu panduan dan penambahbaikan kepada program yang bakal dijalankan oleh IPG atau universiti di masa akan datang. Selain itu, kajian ini juga telah mengukuhkan lagi kajian-kajian lepas mengenai keberkesanan PdP guru Pendidikan Jasmani yang sedang menuntut ilmu melalui PJJ.

### **KESIMPULAN**

Matlamat PPG untuk meningkatkan tahap kelayakan pendidikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) jelas dapat memartabatkan profesion keguruan di Malaysia. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan PPG mampu memberikan manfaat kepada siswa guru opsyen Pendidikan Jasmani dari segi kaedah pengajaran dan mencipta inovasi baharu dari sudut membina bahan bantu mengajar. Kementerian Pendidikan Malaysia amat menggalakkan semua guru melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi demi masa depan anak-anak Malaysia. Perkembangan kualiti diri pada guru adalah penting dan mereka perlu mempunyai semangat daya saing untuk meningkatkan ilmu pengetahuan. Maka, pendidikan guru tidak seharusnya tamat sebaik sahaja sahaja tamat latihan perguruan di Maktab Perguruan. Kejayaan serta kelestarian seseorang guru dalam kerjayanya bergantung kepada kesediaan guru berkenaan untuk terus memajukan diri. Justeru, perubahan dunia pendidikan memerlukan guru yang sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan.



**RUJUKAN**

- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2011). *Designing and conducting mixed methods research* (2nd Ed.). New York, NY: Sage.
- Fatimah Sulaiman. (2012). Konsep pembelajaran melalui *e-learning*. *Jurnal Pendidikan Jarak Jauh*, 8(12), 18-27.
- Ibrahim Sulan. (2010). Pendekatan dan kaedah pengajaran pensyarah terhadap pendidikan jarak jauh. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*, 8(3), 54-66.
- Jamaluddin Khalid. (2011). Kepuasan pelajar melalui pendidikan jarak jauh. *Jurnal Pendidikan Jarak Jauh*, 2(13), 34-41.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar, Siri Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Rauzah, N. A. M. A & Muhammad A. Z. (2013). Kekuatan dan kelemahan pembelajaran jarak jauh. *Jurnal Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan* 5(8), 32-43.
- Rosli Kamarudin. (2013). Kegagalan pelajar pendidikan jarak jauh dalam pengajian Sains. *Jurnal Pendidikan Sains*, 9(2), 23-38.
- Siti Hasanah Ilham. (2013). Teknik pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar jarak jauh. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*, 2(8), 21-29.